

JOHOR



SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR merasa buah-buahan hutan yang ditanam dikawasan Taman Botani Johor sewaktu singgah di Batu Pahat, Johor.



SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR melakukan pelepasan Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2017 sambil diperhatikan Mohamed Khaled Nordin (dua dari kiri) di Dataran Bandaraya Johor Bahru, baru-baru ini.



SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR memandu kereta jenis Morgan sepanjang KMJ2017 selepas majlis pelepasan di Dataran Bandaraya, Johor Bahru. - UTUSAN/BAAZLAN IBRAHIM.

info

KMJ 2017
(9-12 SEPT. 2017)

- > Edisi Ke-20
- > Menjelajah ke 10 daerah sejauh 808 kilometer
- > Menggunakan kereta roda tiga jenis Morgan tanpa bumbung
- > Bermula di Dataran Bandaraya, Johor Bahru
- > Berakhir di Hutan Bandar Putra, Kulai

Beri peluang Sultan Ibrahim Sultan Iskandar tinjau pembangunan di setiap daerah

KMJ bawa 'limpahan' di Johor



TANPA menghiraukan hujan, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar tetap gagah memandu kereta jenis Morgan.

Oleh **LUQMAN HAZIQ ABDULLAH**
utusan.johor@gmail.com

■ **JOHOR BAHRU 26 SEPT.**

SABAN tahun rakyat negeri ini sentiasa menantikan program Kembara Mahkota Johor (KMJ) yang sudah diperkenalkan hampir 20 tahun lalu.



Masa berlalu dengan pantas kerana tahun ini, KMJ 2017 merupakan edisi yang ke-20. Bermakna, program jelajah tahunan oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar itu sudah menjelajah hampir ke semua pelusuk negeri. Sebut sahaja daripada bandar besar hingga ke pekan kecil dan kawasan pedalaman serta pulau-pulau telah dikunjungi Sultan Ibrahim sejak baginda memulakan kembara tersebut semasa dilantik sebagai Tunku Mahkota Johor dahulu. Nyata KMJ memang sudah sehati dalam jiwa baginda. Namun KMJ 2017 agak berbeza kerana difahamkan baginda sudah membayangkan akan menyerahkan 'teraju' kepada anakanda, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibra-

him untuk mengetuainya pada tahun depan. Walau bagaimanapun, baginda tetap berjanji akan menyertai kembara tersebut di beberapa program yang diatur untuk terus berjumpa dan beramah mesra dengan rakyat jelata. Sebenarnya KMJ bukan hanya program yang memberi peluang kepada rakyat jelata berjumpa dan beramah mesra dengan Sultan Johor dan kerabat diraja, malah membawa rahmat bagi rakyat khususnya golongan yang kurang berkemampuan apabila banyak pihak termasuk agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) dan pihak berkuasa tempatan turut memberi sumbangan kepada mereka. KMJ kali ini turut menjadi cerminan bahawa konsep raja dan rakyat berpisah tiada apabila Sultan Ibrahim tetap mengharungi perjalanan sejauh 808 kilometer ke seluruh 10 daerah di negeri ini walaupun dalam keadaan hujan dan panas memandu kereta roda tiga jenis Morgan tanpa bumbung.

Walaupun basah ekoran hujan lebat, namun cabaran tersebut tidak mematah semangat baginda untuk menemui rakyat jelata yang setiap menunggu ketibaan baginda dan rombongan. Malah Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin mengakui KMJ meninggalkan tiga mesej penting untuk dihayati dan dibanggakan oleh semua, iaitu sebagai satu identiti besar negeri yang menjadi kebanggaan rakyat. Mesej kedua ialah KMJ merupakan satu cara bagaimana agenda pembangunan negeri sentiasa dilakukan secara bersama-sama, khususnya dengan mendapat sentuhan, ilham dan saranan daripada Sultan Ibrahim. "Jadi, kita juga amat berharap yang edisi kali ini telah menjadi satu ruang dan peluang penting untuk Tuanku melihat dan mengamati sendiri segala bentuk kemajuan pembangunan yang telah dan sedang berlaku di seluruh negeri," katanya dalam teks ucapan penutupan KMJ 2017 yang dibacakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Md. Jais Sarday. Mesej terakhir, KMJ turut menjadi peringatan kepada seluruh rakyat betapa bertuahnya dinaungi Sultan Ibrahim yang berjiwa rakyat apabila baginda dan kerabat diraja berkenan mencemar duli menjenguk negeri setiap tahun, katanya sambil menzahirkan taat setia bahawa kerajaan negeri akan sentiasa memberi sokongan padu terhadap program jelajah berkenaan supaya dapat diteruskan dengan lebih berjaya dan meriah.

GOLONGAN belia tidak melepaskan peluang bergambar bersama Sultan Ibrahim Sultan Iskandar sewaktu rombongan KMJ 2017 berada di Dataran Segamat, Johor.

